



Dasar

PENGURUSAN ASET KERAJAAN

KERAJAAN MALAYSIA



DASAR
PENGURUSAN ASET
KERAJAAN

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) menjelaskan hala tuju, prinsip dan strategi pelaksanaan pengurusan aset yang perlu dipatuhi oleh setiap agensi kerajaan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan memberi penekanan yang serius terhadap pengurusan aset kerana pelaburan besar yang telah dibuat terhadap pembangunan dan penyediaan aset.

2.2 Pengurusan aset yang sistematik, menyeluruh dan bersepadu perlu diwujudkan selaras dengan dasar penambahbaikan berterusan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam.

3.0 DEFINISI ASET KERAJAAN

3.1 Aset kerajaan bermaksud harta benda kepunyaan atau milikan atau di bawah kawalan kerajaan yang dibina atau dibeli atau yang disewa beli atau yang dipajak dengan wang kerajaan atau yang diterima melalui sumbangan atau hadiah atau proses perundangan atau diperoleh melalui sumber liar atau pembiakan atau penyelidikan atau warisan.

3.2 Aset kerajaan dalam konteks ini, diklasifikasikan seperti yang berikut:

- (a) Aset Alih
- (b) Aset Tak Alih
- (c) Aset Hidup
- (d) Harta Intelek

3.3 **Aset Alih** bermaksud aset yang boleh dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat lain termasuk aset yang dibekalkan atau dipasang bersekali dengan bangunan. Aset alih terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu harta modal dan inventori. Contoh aset alih ialah perkakasan komputer, mesin, jentera, kenderaan, penyaman udara mudah alih, kipas angin mudah alih, katil pesakit, peralatan perubatan, perabot, langsir, permaidani, pinggan mangkuk, barangan warisan dan barangan stok.

3.4 **Aset Tak Alih** bermaksud aset yang kekal dan tidak boleh dialih dari tempatnya iaitu tanah, infrastruktur dan bangunan. Contoh tanah ialah tanah yang diwartakan dan diselia untuk dibangunkan oleh sesuatu agensi. Contoh infrastruktur ialah jalan raya, jambatan, terowong, lapangan terbang, jeti, pengairan, saliran, sistem agihan air, loji kumbahan, pembentungan dan sebagainya. Contoh bangunan ialah kompleks bangunan pejabat, terminal lapangan terbang, hospital, sekolah dan kem tentera.

3.5 **Aset Hidup** bermaksud aset bernyawa iaitu tumbuhan, haiwan dan ikan. Contoh tumbuhan ialah pokok dan landskap. Contoh haiwan ialah binatang jagaan zoo, haiwan ternakan dan haiwan keperluan penyelidikan dan operasi.

3.6 **Harta Intelekt** bermaksud aset bukan fizikal yang merupakan hasil ciptaan minda seperti reka cipta (simbol, nama dan imej yang digunakan dalam perdagangan), rupa bentuk (corak atau hiasan), petunjuk geografi, karya sastera dan karya seni. Contoh: perisian komputer, penemuan kajian penyelidikan, karya penulisan dan harta warisan kebudayaan.

4.0 **PERNYATAAN DASAR**

4.1 Kerajaan komited untuk memberi perkhidmatan berkualiti kepada rakyat melalui penyediaan aset yang sempurna.

4.2 Setiap agensi bertanggungjawab terhadap aset kerajaan di bawah kawalan masing-masing.

4.3 Setiap aset kerajaan hendaklah diuruskan dengan sempurna melalui pengurusan aset secara sistematik dan strategik.

4.4 Setiap agensi hendaklah melaksanakan pendekatan Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) dalam pengurusan aset kerajaan.

5.0 OBJEKTIF

5.1 Dasar Pengurusan Aset Kerajaan adalah untuk mencapai objektif berikut :

- (a) Pewujudan aset bagi memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan kerajaan.
- (b) Pengurusan aset dilaksanakan secara sistematik, holistik dan lestari untuk mencapai faedah aset yang optimum.
- (c) Maklumat aset yang sistematik, berintegriti dan mudah dicapai.
- (d) Amalan PAM dilaksanakan dan dipantau.

6.0 RASIONAL

6.1 Kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar dalam menyediakan pelbagai kemudahan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat. Aset merupakan instrumen penting kepada penyediaan perkhidmatan yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

6.2 Pengurusan aset yang komprehensif dan bersepadu merangkumi perancangan, pewujudan, penggunaan, penyenggaraan, pemeriksaan, pelupusan dan hapuskira hendaklah dilaksanakan bagi memastikan aset sentiasa berada dalam keadaan sempurna, selamat digunakan, penggunaan yang ekonomik dan menjamin jangka hayat yang lebih lama.

6.3 Aset kerajaan merupakan pelaburan negara dan hendaklah diuruskan dengan sempurna. Ketidakecekapan menguruskan aset akan membebankan kewangan serta menjejaskan reputasi kerajaan, memberi kesan kepada kualiti dan kecekapan perkhidmatan, keselamatan dan kepuasan pengguna.

7.0 STRATEGI PELAKSANAAN

Pelaksanaan dasar adalah berasaskan pendekatan strategi berikut:

7.1 Tadbir Urus

(a) Memperjelaskan tanggungjawab Pegawai Pengawal

Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi pekeliling-pekeliling yang berkuatkuasa serta memastikan mekanisme dalam struktur pengurusan aset seperti mewujudkan Bahagian Pengurusan Aset, melantik pegawai aset dan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) di peringkat agensi masing-masing.

(b) Melaksanakan kajian semula pengurusan

Setiap agensi hendaklah menjalankan kajian semula bagi menilai keberkesanan dan penambahbaikan pengurusan aset sekurang-kurangnya satu kali setiap tahun.

7.2 Sistem dan Proses

(a) Mengenal pasti aset

Setiap agensi hendaklah mengenal pasti aset di bawah tanggungjawab dan kawalan masing-masing mengikut klasifikasi aset yang ditetapkan supaya pengurusan terhadap aset berkenaan dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan.

(b) Mengguna pakai pendekatan PAM

Setiap agensi hendaklah memberi penekanan kepada konsep, prinsip dan amalan PAM berdasarkan nilai faedah seluruh Kitaran Hayat Aset (KHA) dalam melaksanakan Pengurusan Aset Kerajaan (PAK). Amalan PAM hendaklah memfokuskan kepada penggunaan aset yang optimum dengan kos yang efektif serta merangkumi ciri-ciri mesra pengguna, mesra alam sekitar, kecekapan tenaga, tahap keselamatan dan kawalan keselamatan. Manual PAM hendaklah dirujuk sebagai kerangka utama dalam pemakaian kaedah PAM di setiap agensi kerajaan.

(c) Mewujudkan tatacara PAK

Kerajaan akan mewujudkan tatacara pengurusan aset khusus mengikut klasifikasi masing-masing untuk diguna pakai oleh setiap agensi. Tatacara pengurusan aset yang berkuatkuasa meliputi aspek-aspek perancangan, pemerolehan, penerimaan, pendaftaran, penggunaan, pemeriksaan, penyenggaraan, pelupusan dan hapus kira aset hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

(d) Mengukur tahap prestasi perkhidmatan aset

Setiap agensi yang mengurus aset perlu mengukur dan menilai prestasi perkhidmatan aset yang sedang digunakan berdasarkan Tahap Perkhidmatan Yang Dipersetujui (*Agreed Service Levels* - ASL), Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator* - KPI) dan petunjuk prestasi lain yang bersesuaian.

(e) Melaporkan status pengurusan aset

Setiap agensi hendaklah menyediakan laporan status pengurusan aset dan dibentangkan dalam Mesyuarat JKPAK di peringkat agensi masing-masing mengikut peraturan yang ditetapkan. Laporan mesyuarat suku tahun JKPAK hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan.

7.3 Teknologi

(a) Membangunkan Sistem Pengurusan dan Pemantauan Aset

Kerajaan akan membangunkan Sistem Pengurusan dan Pemantauan Aset berdasarkan teknologi maklumat terkini bagi tujuan penyeragaman dan mendapat pulangan yang terbaik. Sistem ini hendaklah digunakan oleh setiap agensi dalam mengurus dan memantau aset masing-masing.

(b) Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan

Program penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pengurusan aset hendaklah dilaksanakan secara perkongsian pintar antara kerajaan, institut pengajian tinggi dan industri. Kerajaan akan menjadikan bidang pengurusan aset sebagai satu daripada bidang keutamaan.

7.4 Sumber Manusia

(a) Menyediakan pegawai yang berkeelayakan

Setiap agensi hendaklah menyediakan pegawai yang berkeelayakan dan mencukupi dalam pengurusan aset mengikut keperluan agensi masing-masing.

(b) Membangunkan kompetensi dalam pengurusan aset

Setiap agensi hendaklah menyediakan pelan pembangunan sumber manusia dan melaksanakannya untuk meningkatkan kompetensi pegawai yang terlibat dalam PAK.

(c) Mengawal selia kapasiti penyedia perkhidmatan dalam pengurusan aset

Kerajaan hendaklah memastikan semua penyedia perkhidmatan secara sumber luaran (kontraktor dan perunding) memiliki tahap kompetensi dan kapasiti yang ditetapkan bagi memberi perkhidmatan dalam bidang PAK. Kerajaan

hendaklah mewujudkan garis panduan bagi mengukur tahap kompetensi dan kapasiti penyedia perkhidmatan.

(d) **Memupuk budaya penyenggaraan**

Setiap agensi bertanggungjawab memupuk kesedaran penjagaan aset, budaya penyenggaraan dan menghargai aset. Bagi tujuan ini agensi perlu mewujudkan program-program kesedaran dan melaksanakan secara berterusan.

8.0 PENUTUP

8.1 Dasar Pengurusan Aset Kerajaan menunjukkan komitmen kerajaan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, amalan budaya penyenggaraan dan kesejahteraan rakyat.

8.2 Pendekatan PAM juga akan mengoptimumkan penggunaan dan memanjangkan jangka hayat aset, menjimatkan perbelanjaan kerajaan, meningkatkan imej kerajaan dan membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara.



Y.A.B. DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI

Perdana Menteri Malaysia

27 Mac 2009

